

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 02 NOVEMBER 2013 (SABTU)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Najib mahu Malaysia antara 10 negara terbaik dalam indeks daya saing global menjelang 2020	Bernamea.com
2.	Ahli perniagaan wanita maut ditikam di dada	Bernamea.com
3.	Monsun Timur Laut bermula semalam, dijangka berakhir Mac 2014	Bernamea.com



## **Najib Mahu Malaysia Antara 10 Negara Terbaik Dalam Indeks Daya Saing Global Menjelang 2020**

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mahu Malaysia menjadi antara 10 negara terbaik dalam Indeks Daya Saing Global dan Indeks Inovasi Global menjelang 2020 melalui pelaksanaan Inisiatif 'Science to Action' (S2A) atau Sains Untuk Tindakan.

S2A adalah inisiatif terkini Perdana Menteri untuk menggiatkan aplikasi sains dan teknologi untuk pembangunan industri, kesejahteraan rakyat dan tadbir urus sains, teknologi dan industri yang seiring dengan Model Ekonomi Baru.

"Keupayaan untuk mencipta, menyebarkan dan mengeksploitasi pengetahuan melalui sains, teknologi dan keusahawanan telah menjadi satu sumber utama kelebihan daya saing, pewujudan kekayaan dan peningkatan kualiti hidup.

"Inilah sebabnya mengapa saya mengarahkan Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) melalui Pejabat Penasihat Sains untuk melihat kepada pelaksanaan Inisiatif S2A.

"Saya percaya kejayaan pelaksanaan banyak program sains, teknologi dan industri akan bergantung kepada persefahaman dan kerjasama yang erat antara industri dan kerajaan," kata beliau dalam ucapannya pelancaran Inisiatif S2A pada majlis makan malam ulang tahun ke-20 MIGHT di sini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri Pendidikan Kedua Datuk Seri Idris Jusoh.

Najib berkata Inisiatif S2A terdiri daripada tiga komponen utama iaitu Sains Untuk Industri, Sains Untuk Kesejahteraan dan Sains Untuk Tadbir Urus.

Bagi Sains Untuk Industri, tumpuan ialah untuk mewujudkan budaya inovasi dan mengukuhkan keupayaan industri untuk menjana kekayaan baharu, yang termasuk usaha untuk memupuk budaya Lembah Silikon, kata beliau.

"Saya percaya kunci kepada usaha ini adalah menggalakkan syarikat berkaitan kerajaan serta perusahaan kecil dan sederhana untuk menceburi bidang pertumbuhan baharu yang berpotensi di mana pulangan ke atas pelaburan berlipat ganda.

"Kerajaan akan mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif untuk usahawan dan syarikat-syarikat meneroka dan melabur dalam usaha yang berasaskan teknologi tinggi, membina keupayaan untuk memenuhi keperluan tempatan dan mewujudkan peluang untuk eksport produk dan perkhidmatan," kata beliau.

Bagi Sains untuk Kesejahteraan pula, Najib berkata, tujuannya ialah untuk meningkatkan taraf hidup rakyat melalui penggunaan dan penguasaan sains, teknologi dan inovasi.

"Inisiatif ini sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan juga menekankan kecemerlangan dalam sistem pendidikan negara, terutamanya dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik dengan memberi tumpuan khusus kepada generasi muda dan belia," kata beliau.

Bagi Sains untuk Tadbir Urus, teras adalah untuk mengukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan awam dan swasta bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif dan ekosistem yang boleh menjadi pemangkin kepada pembangunan sains.

"Inisiatif teras akan didorong melalui Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara Ketiga yang diselia oleh [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi](#) yang telah diluluskan oleh Kabinet pada April.

"Saya mahu rakyat Malaysia dari semua kaum dan latar belakang untuk mendapat manfaat daripada ekonomi berpendapatan tinggi menerusi keterangkuman dan aktiviti-aktiviti yang berterusan yang tidak menjejaskan generasi akan datang," kata beliau.

Turut hadir pada pelancaran itu ialah Penasihat Sains kepada Perdana Menteri dan Pengerusi Bersama MIGHT Prof Emeritus Datuk Seri Dr Zakri Abdul Hamid dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MIGHT Mohd Yusoff Sulaiman.

-- BERNAMA





## Ahli Perniagaan Wanita Maut Akibat Ditikam Di Dada

SERI MANJUNG, 1 Nov (Bernama) -- Seorang ahli perniagaan wanita meninggal dunia akibat ditikam di dada menggunakan senjata tajam di Apartment Bukit Permata, Lumut di sini semalam.

Ketua Polis Daerah Manjung ACP Jaafar Baba berkata Nariza Mustapha, 32, disahkan meninggal dunia sebaik sahaja tiba di Hospital Seri Manjung di sini pada pukul 10.45 pagi.

Sebelum itu, ibu kepada dua anak itu ditemui terbaring di dalam bilik tidurnya di apartment itu dalam kejadian yang dipercayai berlaku pada pukul 7.30 pagi, katanya kepada pemberita di Ibu Pejabat Polis Daerah Manjung di sini Jumaat.

Beliau berkata laporan bedah siasat menunjukkan mangsa maut akibat pendarahan yang banyak selepas berlakunya tikaman di bahagian dada.

"Siasatan awal polis turut menemui sebilah pisau yang dipercayai digunakan untuk menikam mangsa dan dihantar ke [Jabatan Kimia](#) untuk maklumat terperinci," katanya.

Jaafar berkata susulan kejadian itu, polis menahan seorang lelaki berusia 27 tahun yang dipercayai teman lelaki mangsa untuk membantu siasatan. Lelaki yang merupakan anggota pasukan beruniform itu ditahan reman sehingga 7 Nov.

"Mayat Nariza telah dituntut oleh waris dan dibawa pulang ke Rantau Panjang, Kelantan untuk urusan pengebumian," katanya.

-- BERNAMA



## Monsun Timur Laut Bermula Semalam, Dijangka Berakhir Mac 2014

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Musim Monsun Timur Laut di negara ini bermula semalam dan dijangka berakhir pada minggu ketiga Mac 2014.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi](#), episod hujan lebat pertama dijangka berlaku sekitar minggu ketiga bulan ini.

Ia menjelaskan bahawa pada musim ini, negeri-negeri di pantai timur Semenanjung Malaysia, kawasan pantai Sarawak dan pantai timur Sabah akan mengalami empat hingga lima episod hujan lebat yang menyeluruh dan berterusan selama tiga hingga tujuh hari.

Keadaan itu boleh mengakibatkan kejadian banjir di negeri-negeri pantai timur dan kawasan selatan Semenanjung pada bulan ini dan Disember serta Januari 2014.

Kejadian sama boleh berlaku di bahagian barat dan tengah Sarawak pada Disember 2013, Januari dan Februari 2014, dan di pantai timur Sabah pada Januari dan Februari 2014.

"Walaupun negara dijangka mengalami Monsun Timur Laut yang normal, namun setiap episod hujan lebat boleh menyebabkan kejadian banjir terutama di kawasan lembangan sungai," kata jabatan itu.

Musim itu menyaksikan angin timur laut yang bertiup secara tetap merentasi Laut China Selatan hingga ke kawasan pantai timur Semenanjung Malaysia.

-- BERNAMA